

11/06/2001

Muktamar ke-47 dedah politik dubuk, desperado Pas

Syed Akbar Ali

KETIKA berucap pada Muktamar Pas Ke-47 baru-baru ini, Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, berkata ketika Umno sedang berhadapan krisis kepemimpinan dan kehilangan keyakinan rakyat, Dewan Pemuda Pas mesti mengambil peluang mendekati rakyat dan menawarkan Islam sebagai alternatif yang lebih utuh dan menjamin masa depan.

Kenyataan Mahfuz menunjukkan selama ini Pas tidak mempunyai keyakinan sendiri untuk mendekati rakyat. Pas mengamalkan politik dubuk yang hidup dengan makan bangkai. Tanpa mempunyai agenda tersendiri, mereka menunggu untuk mengeksploitasi nasib malang yang menimpa orang lain.

Dulu mereka mencaci Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memberi gelaran buruk Anwar Al J****i, tetapi sekarang pula mereka berpura-pura membela nasib Anwar. Kian lama sandiwara ini makin jelas sebab Muktamar Pas Ke-47 sebulat suara tidak setuju Anwar menjadi calon Perdana Menteri pakatan pembangkang. Mereka hendak Datuk Fadzil Noor saja menjadi calon Perdana Menteri.

Begitu juga Pas memberi tempat kepada seorang bekas imam besar yang pernah membuat rakaman video mengenai pengakuan perbuatan sumbang antara dua lelaki, tetapi sesudah menjadi wakil rakyat, beliau tidak mengaku atau menafikan rakaman video itu. Manusia yang berkaliber seperti ini mendapat kedudukan istimewa dalam politik dubuk Pas.

Dalam Muktamar Pas Ke-47, kaum wanita masih jauh tertinggal. Mereka masih tidak dibenarkan duduk di atas pentas. Seorang saja calon wanita dilantik menjadi ahli jawatankuasa kerja, tetapi Ketua Dewan Muslimat Pas yang baru, Fatimah Ibrahim, menghampakan harapan kaum wanita apabila beliau berkata Dewan Muslimat tidak akan minta dicalonkan sebagai wakil rakyat kecuali Dewan Ulama Pas memberi izin dulu.

Dewan Ulama Pas pula diketuai oleh Harun Taib yang juga suami Fatimah. Oleh kerana isteri dikehendaki mematuhi suami, maka semua ahli Dewan Muslimat Pas yang ingin menjadi calon perlu menunggu izin suami Fatimah.

Untuk merumitkan lagi pencalonan mereka, wanita Pas juga perlu mendapat restu Majlis Syura Ulama yang dipengerusikan Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. (Harakahdaily.com 6/6/01)

Nik Aziz pula berkata, pencalonan wakil rakyat wanita tertakluk kepada beberapa syarat, termasuk mendapat kelulusan suami, tiada anak masih kecil dan usia yang tiada unsur fitnah.

Sebelum ini, Nik Aziz pernah berkata wanita rupawan tidak perlu diutamakan untuk diberi jawatan kerja kerana mereka boleh menjadi isteri kepada lelaki kaya. Ini bermaksud hanya wanita tua yang sudah lepas usia unsur fitnah dan yang kurang cantik boleh dicalonkan sebagai wakil rakyat Pas.

Semoga wanita Pas faham kriteria untuk memilih perwakilan. Pendekatan ini membuktikan pandangan Nik Aziz terhadap fungsi wanita sering ditumpukan kepada perkara yang berkaitan seks dan tubuh mereka. Pandangan ini sebenarnya merendahkan martabat wanita dan menghina tugas wanita zaman ini yang serba boleh, berpelajaran dan berpengalaman.

Dalam Umno, organisasi dan sistem parti yang berkaliber memberi tempat untuk fungsi dan perwakilan wanita. Tugas ahli tertumpu kepada memilih pemimpin wanita yang handal untuk memenuhi ruang sedia ada. Oleh itu, Wanita Umno dan sekarang Puteri Umno menjadi penggerak utama untuk membela kepentingan wanita. Umno juga mengiktiraf kemampuan wanita menjadi menteri dan pemimpin kerajaan yang berwibawa.

Begitu juga Pas tidak mempunyai idea mengenai keselamatan atau pertahanan negara. Mengikut Harakah (Harakahdaily.com 1/6/01), Nik Aziz berceramah bahawa acara sukan berkuda amat wajar diketengahkan kepada rakyat kerana bangsa yang biasa dengan kegiatan dan sukan berkuda adalah bangsa yang kuat semangat waja. Nik Aziz menambah, beliau juga mempunyai pengalaman menunggang kuda ketika remaja bersama saudara lelakinya.

Mengikut ajaran Allah dan Rasul-Nya, lebih baik kita bergantung kepada pertolongan Allah daripada mengharapkan semangat kuda dan haiwan ternak: "Dijadikan indah pada manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita, anak, harta yang banyak dari emas dan perak, kuda pilihan, haiwan ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia. Walhal di sisi Allah tempat kembali yang baik." (Surah 3:14)

Dalam al-Quran, Allah juga mengancam perbuatan syaitan yang menggunakan suara dan pasukan berkuda untuk menipu orang: "Gerakkanlah orang yang engkau kuasai di antara mereka dengan suara engkau dan kerahkanlah kepada mereka pasukan engkau yang berkuda dan yang berjalan kaki dan bersekutulah dengan mereka dalam harta dan anak-anak dan janjikanlah kepada mereka. Tidak adalah yang dijanjikan syaitan kepada mereka melainkan tipuan semata-mata." (Surah 17:64)

Oleh itu, penyokong Pas perlu mengawasi supaya mereka tidak ditipu dengan ceramah yang sedap pada pendengaran saja. Sudah tentu kalau Nabi berada bersama kita pada hari ini, Nabi akan menyuruh kita menggunakan teknologi jet pejuang, peluru berpandu dan senjata canggih untuk mempertahankan negara. Kekuatan tentera Amerika dan Israel, misalnya, adalah hasil daripada industri cip mikro dan teknologi tinggi dan bukan daripada kandang kuda.

Semangat waja itu hanya dapat diteguhkan melalui penggunaan ilmu dan teknologi yang sesuai dengan keadaan zaman, bukan dengan mengharapkan semangat waja daripada haiwan.

Selain menunggang kuda, Pas juga membawa idea yang amat berbahaya kepada ketenteraman negara. Ketika menggulung muktamar Pas, Fadzil menegaskan Pas akan mengambil pendekatan mengadakan demonstrasi jalanan sebagai wadah perjuangan. Ini adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Selain taktik mencaci, memfitnah dan mengkafirkan orang lain, hasutan untuk berdemonstrasi menunjukkan Pas dipimpin pemikiran samseng.

Ahli Pas perlu fikir juga kenyataan Mahfuz yang selain daripada menyokong demonstrasi jalanan, mencadangkan supaya Pas dibenarkan mendaftar ahli baru di kampus pengajian tinggi.

Mahfuz juga berkata, murid sekolah yang telah mencapai umur baligh, yang termasuk anak dara yang baru masuk umur unsur fitnah, dibenarkan mendaftar sebagai ahli Pas. Ini adalah cadangan yang berbahaya juga memandangkan kampus adalah tempat pengajian tinggi yang tenaga pelajar mesti dipelihara daripada hasutan politik.

Cadangan dangkal untuk mengambil murid sekolah menengah yang sudah baligh sebagai ahli parti menunjukkan sikap 'desperado' Pas. Mereka sanggup korbakan murid sekolah menengah dan penuntut kampus untuk tujuan politik.

Puteri Umno telah mencabar Mahfuz bersemuka untuk membincangkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab ini, tetapi seperti yang boleh disangka, Mahfuz tidak berani berjumpa dengan Puteri Umno.

Nik Aziz pula tidak setuju dengan Fadzil dan Mahfuz mengenai demonstrasi jalanan sebagai wadah perjuangan Pas. Walaupun Menteri Besar Kelantan itu telah beberapa kali menasihati ahli Pas supaya jangan menyertai sebarang demonstrasi jalanan, puak Fadzil makin dominan dalam Pas. Percanggahan di antara Nik Aziz dan Fadzil juga menunjukkan kepemimpinan tertinggi Pas tidak sepakat dalam banyak perkara.

Muktamar Pas Ke-47 juga meluluskan lima usul seperti berikut:

- * Membantah pembelian akhbar Nanyang Siang Pau oleh MCA;
- * Membantah penahanan individu tertentu mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA);

- * Meminta ditubuhkan badan penerangan dalam parti;
- * Meminta ditubuhkan Majlis Perundingan Perpaduan Nasional; dan
- * Menjadikan Pas tonggak pakatan pembangkang.

Tanpa isu penahanan ISA atau pembelian Nanyang Siang Pau oleh MCA, Muktamar Pas Ke-47 akan kekurangan dua usul dan mungkin juga digulung lebih awal. Jelas muktamar Pas tidak ada agenda yang berguna untuk diusulkan. Mereka mengutip isu semasa yang sensasi untuk dimuatkan ke dalam usul parti.

Usul kelima yang mencadangkan supaya Pas dijadikan tonggak pakatan pembangkang dibantah keras oleh DAP, khususnya Setiausaha Agungnya, Kerk Kim Hock. Karpal Singh, Timbalan Pengerusi DAP, berkata usul itu adalah tidak bijak. Maksud sebenarnya usul itu adalah bodoh.

Usul Pas ini juga tidak disokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) atau Parti Rakyat Malaysia (PRM). Ini menunjukkan pakatan pembangkang bukan saja tidak sehaluan, tetapi mereka juga tidak tentu hala.

Seterusnya, usul keempat untuk ditubuhkan Majlis Perundingan Perpaduan Nasional di bawah naungan Pas menjadi sia-sia saja memandangkan DAP, Keadilan dan PRM tidak menyokong Pas menjadi tonggak pakatan pembangkang atau Fadzil menjadi calon Perdana Menteri. DAP dan Keadilan menyebut Anwar Ibrahim sebagai pilihan pertama untuk calon Perdana Menteri.

Keseluruhannya, Muktamar Pas Ke-47 tidak menonjolkan kematangan pemikiran yang boleh membawa kepada kemajuan bangsa, agama dan negara. Tidak ada usul untuk meningkatkan ekonomi atau memajukan lagi sistem pendidikan negara. Begitu juga tidak ada usul untuk membela kaum wanita atau untuk membela nasib kaum termiskin.

Walaupun demikian, Fadzil berpendapat Muktamar Pas Ke-47 ini adalah jauh lebih baik daripada muktamar dulu yang perwakilan Pas membahaskan cara berpakaian serban, kopiah, kot dan tali leher.

Fadzil juga sempat membuat rumusan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai satu tindakan 'undi tidak percaya' terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fadzil tidak menjelaskan kenapa Daim perlu bercuti dua bulan sebelum membuang undi tidak percaya? Yang amat menyedihkan ialah ahli Pas, termasuk golongan profesional, sanggup menerima analisis cetek seperti ini daripada presiden mereka.

Fadzil juga membezakan masalah golongan profesional yang sudah mula bersaing dan juga bercanggah dengan golongan ulama dalam Pas. Menurutnya, tidak semestinya kepemimpinan parti perlu dipegang ulama saja.

Ini bermaksud golongan ulama Pas yang sememangnya bukan profesional boleh diatasi oleh golongan profesional yang tidak mahu menjadi ulama.

Memandangkan golongan profesional sebenarnya bermaksudkan orang yang berpendidikan sekular, seperti jurutera, akauntan dan doktor, ini bermaksud golongan ulama lambat-laun akan pupus pengaruh mereka dalam kepemimpinan parti.

Apakah penghabisannya yang menunggu parti Pas?

(END)